

PELAN PEMBAYARAN ANSURAN MRTA (MRTA-IPP)

(Dikemaskini pada 19 July 2017 dan akan berkuat kuasa pada 19 July 2017)

Terma dan syarat dalam dokumen ini akan digunakan untuk PELAN PEMBAYARAN ANSURAN MRTA United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (“UOBM”), dan perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad VISA/MASTERCARD UOB (“Perjanjian Ahli Kad”).

Jika terdapat sebarang percanggahan di antara dokumen ini dan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat dalam dokumen ini akan digunakan untuk semua perkara yang berkaitan dengan Program. Kecuali ditakrifkan secara berbeza dalam dokumen ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam dokumen ini akan mempunyai makna yang sama seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad.

1. Program ini terbuka kepada semua pemegang utama dan/atau tambahan yang baru atau sedia ada bagi Kad Kredit UOB yang dikeluarkan di Malaysia (“Ahli Kad”).
2. Program ini membolehkan Ahli Kad untuk membayar premium bagi polisi Insurans Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (*Mortgage Reducing Term Assurance* atau MRTA) yang dibeli oleh Ahli Kad, suami atau isteri, anak, ibu bapa, ibu bapa mertua atau adik-beradik beliau (“Individu yang Diinsuranskan”) dengan panel syarikat insurans UOBM melalui ansuran yang menggunakan Kad Kredit UOB, tertakluk kepada terma dan syarat ini.
3. Program ini boleh digunakan untuk apa-apa pembelian polisi MRTA daripada panel syarikat insurans UOBM bagi tujuan menjamin sebarang pinjaman yang diberikan oleh UOBM kepada pelanggan individu sahaja. Program ini tidak boleh digunakan untuk apa-apa pembelian polisi MRTA bagi tujuan menjamin sebarang pinjaman yang diberikan oleh UOBM kepada pemilikan tunggal, perkongsian, pelanggan komersial dan/atau korporat.
4. Untuk layak menyertai Program ini, jumlah premium minimum yang perlu dibayar oleh pengambil insurans ialah RM3,000.00 bagi setiap polisi. Premium maksimum dihadkan pada Had Kredit tersedia ahli kad ketika arahan diproses (tertakluk kepada perubahan oleh UOBM pada bila-bila masa pada budi bicara mutlakny).
5. Ahli Kad mempunyai pilihan untuk membayar ansuran bulanan dalam 6, 12 atau 18 bulan (tertakluk kepada perubahan oleh UOBM pada bila-bila masa pada budi bicara mutlakny).
6. Untuk menyertai Program ini, Ahli Kad perlu menyerahkan borang permohonan yang lengkap sebagaimana yang ditetapkan oleh UOBM (“Borang”).
7. Dengan menandatangani Borang tersebut, Ahli Kad –
 - a) bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat dalam dokumen ini, serta sebarang peraturan, prosedur, atau arahan yang mungkin dikenakan oleh UOBM pada bila-bila masa pada budi bicara mutlakny; dan
 - b) dianggap telah bersetuju secara muktamad dan tanpa bersyarat bahawa setiap ansuran akan dicajkan ke dalam Akaun Kad Kredit beliau.
8. Ansuran pertama akan bermula sebaik sahaja permohonan diluluskan. Ansuran seterusnya akan dicajkan secara beransur-ansur pada setiap bulan tanpa rujukan selanjutnya kepada Ahli Kad. Setiap ansuran yang dicaj akan dinyatakan dalam Penyata Akaun bulanan Ahli Kad sebagai caj biasa kepada Akaun Kad Kredit dan perlu dibayar selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.
9. Bagi pembayaran anda untuk setiap Jumlah Ansuran IPP mengikut Terma-Terma ini dan Perjanjian Ahli Kad Bank, anda tidak akan menanggung Caj Kewangan ke atas Jumlah Premium

sepanjang Terma-Terma/Tempoh IPP. Sekiranya berlaku sebarang pembayaran lewat untuk Jumlah Ansuran IPP atau jika berlakunya kemungkiran di bawah Terma-Terma dan/atau Perjanjian Ahli Kad, Caj Kewangan dan semua fi dan caj lain yang ditetapkan di bawah Perjanjian Ahli Kad Bank akan digunakan.

10. Apabila Borang telah diproses, Had Kredit tersedia Ahli Kad akan dikurangkan untuk sementara waktu dengan menguntukkan jumlah yang sama dengan jumlah premium. Apabila setiap ansuran dibayar, jumlah yang sama dengan pembayaran yang dilakukan akan dikembalikan kepada Had Kredit Ahli Kad.
11. Ahli Kad hanya boleh menyertai Program ini jika (i) Jumlah Premium dan/atau jumlah yang akan dikenakan ke atas akaun kad Ahli Kad tidak kurang daripada jumlah minimum yang ditentukan oleh kami sari semasa ke semasa; (ii) Had Kredit tersedia untuk Akaun Kad Kredit Ahli Kad adalah mencukupi untuk memperuntukkan jumlah premium tersebut, dan (iii) jika Ahli Kad tidak melanggar Perjanjian Ahli Kad.
12. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang pembelian yang dilakukan oleh Ahli Kad tambahan bagi mana-mana Ahli Kad.
13. UOBM tidak akan melayan sebarang permintaan untuk membatalkan pembelian polisi MRTA ini.
14. UNIRinggit atau SMART\$ tidak akan diberi di bawah Program ini.
15. Ahli Kad dengan menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada UOBM untuk mendedahkan atau mengemukakan sebarang maklumat berkaitan dengan Ahli Kad kepada syarikat insurans. Ahli Kad mengesahkan bahawa tiada kebenaran lanjut dari Ahli Kad diperlukan, dan UOBM tidak akan bertanggungjawab atas pendedahan maklumat tersebut.
16. Ahli Kad boleh membatalkan penyertaan beliau dalam Program ini tertakluk kepada penerimaan notis empat belas (14) hari terlebih dahulu oleh UOBM. Ahli Kad boleh memberikan notis sama ada melalui faks ke talian 03-2690 0121 atau e-mel kepada uobcustomerservice@uob.com.my atau dengan menghubungi Pusat Panggilan UOB di 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching) atau 088-477 121 (Kota Kinabalu). Jumlah tunggakan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad berhubung dengan jumlah premium akan didebitkan ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad, dan dinyatakan sebagai caj dalam Penyata, dan perlu dibayar oleh Ahli Kad selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.
17. Jika mana-mana satu atau gabungan seperti berikut berlaku, jumlah premium atau jumlah agregat bagi apa-apa baki jumlah ansuran perlu dibayar dengan serta-merta:
 - a) pelanggaran sebarang terma dan syarat dalam dokumen ini atau Perjanjian Ahli Kad;
 - b) Ahli Kad mengingkari pembayaran sebarang jumlah wang yang perlu dibayar di bawah Perjanjian Ahli Kad atau dokumen ini;
 - c) UOBM menamatkan atau menggantung Akaun Kad Kredit Ahli Kad;
 - d) Ahli Kad menamatkan Akaun Kad Kredit beliau;
 - e) Ahli Kad menamatkan transaksi Program;
 - f) kematian, kebangkrutan atau hilang upaya di sisi undang-undang Ahli Kad; dan
 - g) sebarang peruntukan dalam dokumen ini diisytiharkan oleh mahkamah atau pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagai tidak sah, dibatalkan atau tidak boleh dikuatkuasakan.

Jumlah tunggakan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad berhubung dengan jumlah premium akan didebitkan kepada Akaun Kad Kredit Ahli Kad, dan dinyatakan sebagai caj dalam Penyata, dan perlu dibayar oleh Ahli Kad selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.

Terma dan Syarat Am

1. Dengan menyertai Program ini, Ahli Kad bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini serta terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
2. Keputusan UOBM dalam semua perkara yang berkaitan dengan Program ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memberi apa-apa sebab atau memasuki sebarang surat-menyurat dengan mana-mana individu untuk apa-apa perkara yang berkaitan dengan Program.
3. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah nyataan atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Program dan yang diterbitkan dalam mana-mana bahan media massa, pemasaran atau pengiklanan.
4. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada perkara yang diterbitkan dalam mana-mana bahan media massa, pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Program ini.
5. UOBM tidak melakukan sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan dengan polisi insurans yang dibeli di bawah Program ini. UOBM tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian atau ganti rugi dalam apa-apa bentuk yang timbul dan dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga secara langsung atau tidak langsung daripada pembelian polisi MRTA atau dengan menyertai Program ini.
6. Sebarang perubahan pada fi dan caj yang boleh dilakukan oleh UOBM pada bila-bila masa pada budi bicara mutlaknya dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
7. UOBM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pertikaian di antara Ahli Kad dan syarikat insurans.
8. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat Program ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, pada budi bicara mutlaknya, dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan pada laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.
9. Jika terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Program ini, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
10. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.